




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 30 Julai – 2 Ogos 2021

BIL. 29 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 2 Ogos 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 937,732** atau 81.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **199,051 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu** direkodkan sebanyak **15,764** dan menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,146,186 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **15,758 kes** daripada catatan harian dengan **83.9 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 6 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 48.0 peratus**, Zon Selatan (17.3 peratus), Wilayah Malaysia Timur (15.2 peratus), Zon Utara (11.8 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.6 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **6,067 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,536 kes), Johor (1,222 kes), Sabah (1,166 kes), Kedah (1,108 kes) dan Negeri Sembilan (862 kes). Sejumlah **9,403 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **219 kematian terbaru** yang merupakan bilangan kematian harian tertinggi setakat ini.
- 1.2 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

US: Defisit perdagangan barang semakin melebar. Defisit perdagangan US meningkat pada bulan Jun apabila import terus meningkat di tengah aktiviti ekonomi yang kuat, menunjukkan perdagangan kemungkinan kekal sebagai komponen yang akan memperlakukan pertumbuhan pada suku kedua. Ekonomi AS telah pulih dengan lebih cepat daripada wabak itu berbanding saingan globalnya, disokong rangsangan fiskal yang besar, kadar faedah rendah dan vaksinasi terhadap COVID-19. Defisit perdagangan barang meningkat 3.5 peratus kepada USD91.2 billion dengan import barang meningkat 1.5 peratus kepada USD236.7 bilion. (Reuters)

US: Permohonan gadai janji meningkat pada minggu terakhir. Bilangan permohonan gadai janji kediamaan US meningkat minggu lalu, didorong oleh kenaikan dalam aktiviti pembiayaan semula dan penurunan aktiviti pembelian apabila kadar gadai janji menurun. Mortgage Bankers Association (MBA) memaklumkan indeks

pasarannya meningkat 5.7 peratus pada minggu yang berakhir pada 23 Julai berbanding seminggu sebelumnya dengan peningkatan 9.3 peratus permohonan untuk membiayai semula pinjaman yang ada dan penurunan 1.6 peratus permohonan pembelian baharu. Kadar faedah kontrak purata untuk gadai janji 30 tahun menurun kepada 3.01 peratus. (Reuters)

US: Momentum Jualan kenderaan semakin lemah pada bulan Julai 2021. Pertumbuhan penjualan kenderaan baharu US dijangka semakin perlahan pada bulan Julai kerana bekalan kenderaan terhad yang disebabkan oleh kekurangan bekalan semikonduktor global. Jualan runcit dijangka mencapai 1.2 juta unit pada bulan tersebut, kenaikan 3.7 peratus dari tempoh yang sama tahun lalu apabila disesuaikan dengan hari penjualan, tetapi penurunan jangkaan jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya. (Reuters)

EU: Pengguna Germany lebih optimis. Sentimen pengguna Germany terus meningkat ke bulan Ogos apabila pembeli semakin bersedia untuk berbelanja, tetapi kekal bimbang mengenai peningkatan jumlah kes COVID-19. Indeks sentimen pengguna yang berdasarkan tinjauan ke atas kira-kira 2,000 responden, tidak berubah. Setelah lebih dari dua bulan penurunan berterusan, kes COVID-19 telah meningkat sejak awal bulan Julai. (Reuters)

JAPAN: Indeks Pelopor Mei jatuh seperti yang dijangkakan. Indeks Pelopor, yang mengukur aktiviti ekonomi masa hadapan, jatuh ke 102.6 pada bulan Mei dari 103.8 pada bulan April, seperti yang dianggarkan. Indeks Serentak menurun kepada 92.1 pada bulan Mei daripada 95.3 pada bulan sebelumnya. Pada anggaran awal, bacaannya adalah 92.7. Indeks Susulan menurun kepada 93.2 pada bulan Mei dari 94.1 pada bulan sebelumnya. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) mengambil langkah proaktif untuk **mempromosikan pelaburan dalam ekonomi digital** dengan menganjurkan program secara maya pada 29 Julai hingga 30 Ogos 2021.
2. **Kerugian RM40.7 bilion yang ditanggung sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana** (PMKS) pada tahun lalu berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang ketat di seluruh negara bagi memerangi isu COVID-19 adalah kerugian terbesar pernah dialami.
3. Platform dalam talian rasmi, Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang **dilancarkan akan berperanan penting untuk Malaysia dalam usaha menarik pelaburan berkualiti**, khususnya berkaitan pendigitalan dari dalam dan luar negara.
4. Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa **sebanyak 29 permohonan untuk mendapatkan lesen bank digital** telah diterima di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, setelah tempoh permohonan selama enam bulan berakhir pada 30 Jun 2021.
5. Syarikat semikonduktor Korea Selatan, Simmtech Co. Ltd. akan melabur AS\$120 juta (AS\$1 = RM4.23) untuk **mendirikan kilang pertamanya** di Asia Tenggara (SEA) yang akan berlokasi di **Taman Perindustrian Batu Kawan Pulau Pinang**. Keputusan untuk mendirikan kilang pembuatan berskala besar pertama syarikat di Pulau Pinang datang secara semula jadi kerana negeri ini **mempunyai ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) yang mantap**, kumpulan bakat yang hebat dan asas pelanggan sedia ada. Meskipun dalam situasi pandemik COVID-19, pembinaan masih dijalankan dan syarikat itu tidak menjangkakan sebarang penangguhan besar.
6. Ambank Research tetap **optimis terhadap pertumbuhan eksport dan import negara**, sekali gus mengekalkan unjurannya untuk pertumbuhan eksport pada 15 peratus dan pertumbuhan import pada 13 peratus bagi tahun ini. Perdagangan luar terus meningkat pada bulan Jun, mengatasi jangkaan pasaran dengan mencatat pertumbuhan eksport tahun ke tahun yang sihat sebanyak 27.2 peratus pada RM105.5 billion, sementara import meningkat 32.1 peratus tahun ke tahun kepada RM83.2 billion.

7. **Tahap keyakinan dalam sektor pembuatan tempatan terjejas teruk pada suku kedua tahun ini**, di mana Indeks Persekutaran Perniagaan (BCI) menyusut kepada bacaan 87.5 mata, berada di bawah nilai ambang sejak suku keempat 2020 ketika sentimen perniagaan melonjak daripada pandemik COVID-19. Sentimen perniagaan yang kurang baik sebahagiannya disebabkan oleh lonjakan kes COVID-19 dalam tempoh beberapa bulan terakhir, yang mendorong pelaksanaan semula sekatan pergerakan dan menyebabkan penutupan beberapa aktiviti pembuatan sekaligus memberi kesan negatif terhadap prestasi pengeluaran dan penjualan bagi industri pembuatan. Prospek yang perlahan juga dijangka dalam tempoh tiga bulan akan datang kerana Indeks Jangkaan (EI) menurun sebanyak 10.6 mata kepada paras lebih rendah 110.0 mata.
8. Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM), Datuk Azman Yusoff berkata, **pihak PKBM bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri** dan sudah tentu kebenaran itu perlu seiring dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat serta keseluruhan tenaga kerja sudah divaksin, baik bagi sektor awam maupun swasta. **Sektor pembinaan sememangnya menjadi pemangkin di dalam sektor ekonomi dengan kadar 'multiplayer effect' yang sangat tinggi**. Bagaimanapun, kebenaran beroperasi sektor pemaju perumahan adalah tertakluk kepada pematuhan SOP terkini Sektor Pemajuan Perumahan.
9. **Bekalan semikonduktor secara global semakin berkurangan** kerana pembuatan semikonduktor **terjejas akibat krisis COVID-19** yang bermula awal tahun 2020. Kilang-kilang pembuatan semikonduktor ditutup buat sementara dan **menjejaskan rantai bekalan** untuk menghasilkan produk automotif dan peralatan *gadget* seperti telefon pintar dan komputer riba.
10. Moody's Analytics menyatakan **pandemik mempercepat pendigitalan di tempat kerja dan di rumah**, justeru **permintaan untuk semua jenis alat elektronik melonjak**. Ia turut menambah, pengkomputeran awan dan permainan meningkat ketara kerana peningkatan aktiviti jarak jauh atau *remote* dan keperluan cip generasi baharu. Dasar kerajaan juga memainkan peranan kerana semakin banyak kerajaan melihat pergantungan kepada cip dan teknologi sebagai sesuatu yang penting untuk menjaga keselamatan negara.
11. **Perniagaan mikro yang terkesan dengan pandemik COVID-19** boleh memohon pembiayaan tanpa caj di bawah **Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0** dan **Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) 2.0** bermula 15 Ogos 2021. Sejumlah RM100 juta diperuntukkan

bagi pelaksanaan skim berkenaan yang dijangka memanfaatkan 11,500 usahawan.

- 12.Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyaraskan **2,000 pelajar menerima bantuan pakej tablet dan data internet** bagi memenuhi keperluan pembelajaran dalam talian.
- 13.Kira-kira **3,000 pengusaha Taska** yang berdaftar dengan JKM digalak menggunakan tempoh sepanjang Ogos untuk memohon **bantuan khas** menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).
- 14.Seramai **85,000 guru seluruh negara** yang belum mendapat suntikan vaksin COVID-19, dijangka akan **menerima sekurang-kurangnya dos pertama sebelum sesi persekolahan dibuka** September ini.
- 15.Platform pembelian barang runcit dalam talian terkemuka di Asia Tenggara, **HappyFresh akan melebarkan sayap ke lebih banyak kawasan di Malaysia**. Antara kawasan terlibat ialah Putrajaya, Cyberjaya, Rawang, Butterworth, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.
- 16.Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berdepan **kesukaran untuk memasarkan durian secara penuh** kerana sebahagian besar **lokasi pasaran** antaranya seperti di Selangor **tidak dibenarkan masuk disebabkan PKP**. FAMA mengambil langkah memohon pelepasan khas bagi mengelak berlaku lambakan durian.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Metro 30 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)	<p>MAIS bantu 376 keluarga terjejas pendapatan</p> <p>Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengagihkan bantuan kepada mereka yang terkesan akibat COVID-19 termasuk penduduk di Kampung Orang Asli (KOA) dengan 376 keluarga dengan peruntukan berjumlah RM37,600 yang melibatkan di daerah sekitar Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/736538/mais-bantu-376-keluarga-terjejas-pendapatan
2.	Awani 31 Julai 2021 (<i>Non-essential</i>)	<p>Malaysia Tech Month 2021 promosi pelaburan ekonomi digital negara</p> <p>Malaysia Tech Month 2021 (MTM21) yang dianjurkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menampilkan 40 acara dengan lebih 300 tetamu jemputan, pelabur tempatan dan antarabangsa.</p> <p>Program ni akan mempromosikan pelaburan dalam ekonomi digital dan mengukuhkan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN menerusi empat tema mingguan, iaitu Kemahiran Baharu (New skills), Penerimaan (Adoption), Pengganggu (Disruptors) dan Pelaburan (Investments).</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-tech-month-2021-promosi-pelaburan-ekonomi-digital-negara-311472

3.	<p>Berita Harian 1 Ogos 2021 (<i>Non-essential</i>)</p>	<p>MAIK peruntukkan RM15.6 juta bantu golongan memerlukan</p> <p>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memperuntukkan sejumlah RM15.6 juta membabitkan tiga pakej utama skim bantuan menerusi Program Bantuan MAIK 2021 melalui Wang Ehsan Negeri Kelantan bagi membantu golongan memerlukan. Tiga pakej skim bantuan berkenaan ialah Bantuan Prihatin MAIK, Bantuan Perangsang MAIK, dan Projek Pemangkin Kontraktor Kecil. Bantuan ini dijangka dapat memanfaatkan 30,500 penerima membabitkan orang Islam serta bukan Islam, termasuk kategori B40 dan M40.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/08/845761/maik-peruntukkan-rm156-juta-bantu-golongan-memerlukan</p>
----	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengagihkan bantuan kepada mereka yang terkesan akibat COVID-19 termasuk penduduk di Kampung Orang Asli (KOA) dengan 376 keluarga dengan peruntukan berjumlah RM37,600 yang melibatkan di daerah sekitar Gombak, Hulu Langat dan Hulu Selangor.
2. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) mengambil langkah proaktif untuk mempromosikan pelaburan dalam ekonomi digital dengan menganjurkan program secara maya pada 29 Julai hingga 30 Ogos.
3. Terdapat tiga pakej skim bantuan yang diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berjumlah RM15.6 juta. Antara pakej berkenaan ialah Bantuan Prihatin MAIK, Bantuan Perangsang MAIK, dan Projek Pemangkin Kontraktor Kecil. Bantuan ini dijangka dapat memanfaatkan 30,500 penerima.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan yang disalurkan oleh badan-badan kerajaan merupakan langkah terbaik dalam membantu mengimbangi kesan negatif ke atas ekonomi dan pendapatan boleh guna. Inisiatif ini merupakan antara langkah untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan menyokong para peniaga terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran ekonomi yang agak muram pada masa ini. Pada tahun 2020, Kelantan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM25.2 bilion dan mencatatkan penurunan 1.1 peratus (2019: 5.6%).
2. Inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan melalui program Malaysia Tech Month 2021 (MTM21) dilihat akan membantu menjana semula ekonomi negara melalui pelaburan dalam bidang ekonomi digital. Pada suku tahun pertama 2021, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	Subsektor Perdagangan Borong & Runcit		
1.	Harian Metro 30 Julai 2021 (essential)	PMKS terpukul KERUGIAN RM40.7 bilion yang ditanggung sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pada tahun lalu berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang ketat di seluruh negara bagi memerangi isu COVID-19 adalah kerugian terbesar pernah dialami sektor berkenaan.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/736467/pmks-terpukul
2.	Harian Metro 31 Julai 2021 (essential)	Program RAKYATpreneur 2.0 dilancar Program RAKYATpreneur 2.0 oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Bank Rakyat) dengan peruntukan dana berjumlah RM2 juta dilancarkan, hari ini. Seramai 200 usahawan asnaf yang berpotensi dari seluruh negara akan dipilih mulai hari ini untuk memanfaatkan inisiatif itu.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/737033/program-rakyatpreneur-20-dilancar

3.	Berita Harian 1 Ogos 2021 <i>(essential)</i>	Harga barang di luar bandar lebih mahal KUALA LUMPUR: Kenaikan harga barang di luar bandar mengatasi kadar inflasi di bandar dan nasional untuk tempoh dua bulan berturut-turut bermula April lalu, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).	https://www.bhariani.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/845833/harga-barang-di-luar-bandar-lebih-mahal
4.	Sinar Harian 2 Ogos 2021 <i>(essential)</i>	Pejabat Pelaburan Digital selaras pelaburan Platform dalam talian rasmi, Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang dilancarkan pada Isnin akan berperanan penting untuk Malaysia dalam usaha menarik pelaburan berkualiti, khususnya berkaitan pendigitalan dari dalam dan luar negara.	https://www.sinarharian.com.my/article/153256/BISNES/Pejabat-Pelaburan-Digital-selaras-pelaburan
<u>Subsektor Kesihatan</u>			
5.	New Strait Times 31 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	PCSH launches second PPV in Perak Perak Community Specialist Hospital (PCSH) will launch its second mega COVID-19 vaccination centre (PPV) at the Meru Valley Resort on Monday. Perak Chinese Maternity Association (TPCMA) president Datuk Lee Hau Hian said that PCSH was the first private hospital to be appointed as a PPV on May 31. Currently, PCSH is vaccinating 200 recipients daily which brings it to 800 recipients. PCSH is proud to assist in the NIP, consistent with its mission as a non-profit hospital, providing affordable yet quality healthcare to the community.	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/713575/pcsh-launches-second-ppv-perak

6.	New Strait Times 31 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Sabah prepares contingency plan at QEH following rise in COVID-19 cases</p> <p>The Queen Elizabeth Hospital (QEH) in Kota Kinabalu will be used to exclusively treat COVID-19 patients following a rise in the number of cases in the state lately.</p> <p>Sabah International Convention Centre (SICC) was appointed by the government as the venue for the integrated mega Public-Private Partnership COVID-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) for industrial workers, which involved two private health care organisations.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/713590/sabah-prepares-contingency-plan-qeh-following-rise-COVID-19-cases
Subsektor Penginapan			
7.	Sinar Harian 30 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pengusaha hotel di Negeri Sembilan rugi RM300 juta</p> <p>Pengusaha hotel di Negeri Sembilan mengalami kerugian dianggarkan sebanyak RM300 juta sepanjang tempoh Januari hingga Julai tahun ini. Kerugian menjadi lebih teruk apabila PKP 3.0 dilaksanakan sehingga kini.</p> <p>Tempoh PKP memberi impak kepada industri pelancongan negara apabila aktiviti rentas negeri masih lagi belum dibenarkan bahkan pengusaha hotel juga harus menampung kos penyelenggaraan fasiliti yang tinggi.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/152765/EDISI/Melaka-NS/Pengusaha-hotel-di-Negeri-Sembilan-rugi-RM300-juta-1.152765

8.	New Straits Times 31 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Hotels decide to temporarily shut down to cushion losses <p>Struggling to keep their doors open due to the COVID-19 pandemic, some hotels in Pahang have been left with no choice but to temporarily suspend operations. Malaysian Association of Hotels Pahang chapter chairman, Patrick Tee said most hoteliers had been forced to temporarily close their doors and wait for interstate or inter-district travel to resume. The industry has been struggling and left with little choice. Several hotels are taking steps to reduce long-term damages, so they can sustain when the hospitality industry reopens.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/713528/hotels-decide-temporarily-shut-down-cushion-losses
9.	Edge Prop 31 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	COVID-19: More hotels up for sale <p>COVID-19 and the numerous movement control restrictions imposed since March last year have no doubt badly impacted the hospitality industry and forced many owners to put up their hotels for sale. The hotel industry is the hardest hit of all the major property sectors as a result of COVID-19. Some of the recent casualties of the pandemic are Hotel Istana, Kuala Lumpur, which will cease to operate from Sept 1, while Mutiara Johor Bahru stopped operating on June 1 and Hotel Equatorial, Penang shuttered for good on end-March.</p>	https://www.edgeprop.my/content/1885358/COVID-19-more-hotels-sale?wref=edgemarks

10.	Utusan Malaysia 1 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	PPV pelancongan bantu percepat vaksinasi pengusaha, pekerja hotel Penularan virus COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap industri pelancongan. Sehubungan itu, idea untuk mewujudkan PPV Pelancongan dijangka dapat menghidupkan semula industri ini disamping meningkatkan tahap imuniti dalam industri tersebut. Pembukaan pusat pemberian vaksin (PPV) pelancongan di negeri Terengganu ini akan mempercepatkan lagi proses vaksinasi COVID-19 kepada pengusaha dan pekerja hotel terutama di pusat bandar. Bagaimanapun, inisiatif lain akan dicadangkan jika idea tersebut tidak berjaya direalisasikan iaitu dengan mengumpul nama-nama terlibat bagi dimasukkan ke dalam senarai penerima vaksin COVID-19 mengikut daerah.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/ppv-pelancongan-bantu-percepat-vaksinasi-pengusaha-pekerja-hotel/
	<u>Subsektor Kewangan</u>		
11.	The Edge 2 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Revenue Group consortium submits application for digital banking licence A consortium comprising Revenue Group Bhd. Sarawak State and Kenanga Investment Bank Bhd has submitted application for digital banking licence from Bank Negara Malaysia (BNM). In a bourse filing today, Revenue said SSG Digital Resources Berhad had submitted the application on June 29.	https://www.theedgemarkets.com/article/revenue-group-consortium-submits-application-digital-banking-licence

12.	The Edge 2 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	HSBC exits or downsizes 77 offices as hybrid work takes hold HSBC Holdings Plc has exited or downsized its presence in 77 buildings since January last year, a sign of the growing impact on the office market as more and more companies transition to new ways of working. The London-headquartered bank has reduced its global office footprint by about 10% and is on track to cut it by about a fifth by the end of this year.	https://www.theedgemarkets.com/article/hsbc-exits-or-downsizes-77-offices-hybrid-work-takes-hold
-----	--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Kerugian RM40.7 bilion yang ditanggung sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pada tahun lalu berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang ketat di seluruh negara bagi memerangi isu COVID-19 adalah kerugian terbesar pernah dialami.
2. Program RAKYATpreneur 2.0 oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Bank Rakyat) dengan peruntukan dana berjumlah RM2 juta dilancarkan.
3. Platform dalam talian rasmi, Pejabat Pelaburan Digital (DIO) yang dilancarkan berperanan penting untuk Malaysia dalam usaha menarik pelaburan berkualiti, khususnya berkaitan pendigitalan dari dalam dan luar negara.
4. Perak Community Specialist Hospital (PCSH) akan melancarkan pusat vaksinasi mega COVID-19 (PPV) kedua di Meru Valley Resort pada hari Isnin.
5. PCSH adalah hospital swasta pertama yang dilantik sebagai PPV di Perak pada 31 Mei. PPV kedua ini dengan kemampuan vaksinasi harian sebanyak 600 penerima akan menjadikan keseluruhan 800 penerima vaksin sehari bagi kedua-dua PPV ini. Pada masa ini, PCSH memvaksinasi 200 penerima setiap hari.
6. Sabah International Convention Centre (SICC) dilantik sebagai tempat untuk Program Imunisasi Industri COVID-19 Perkongsian Awam-Swasta (PIKAS) mega bersepadu untuk pekerja industri, yang melibatkan dua organisasi penjagaan kesihatan swasta.

7. Pengusaha hotel di Negeri Sembilan mengalami kerugian dianggarkan sebanyak RM300 juta sepanjang tempoh Januari hingga Julai tahun ini.
8. Berikutan kawalan pergerakan yang dikenakan sejak Mac tahun lalu telah memberi kesan buruk kepada industri perhotelan dan memaksa banyak pemilik menjual hotel mereka untuk dijual.
9. Ketua Pegawai Eksekutif Zerin Properties Previndran Singhe memaklumkan bahawa senarai hotel yang dijual telah meningkat sebanyak 40% mengfokuskan hotel kategori tiga hingga lima bintang.
10. Cadangan pembukaan pusat pemberian vaksin (PPV) pelancongan yang julung kali di negeri Terengganu akan mempercepatkan lagi proses vaksinasi COVID-19 kepada pengusaha dan pekerja hotel terutama di kawasan pusat bandar.
11. Bank Negara Malaysia pada 2 Julai 2021, mengumumkan bahawa sebanyak 29 permohonan untuk mendapatkan lesen bank digital telah diterima di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, setelah tempoh permohonan selama enam bulan berakhir pada 30 Jun 2021.
12. Pelbagai pihak telah menghantar permohonan untuk mendapatkan lesen bank digital, termasuk bank-bank, konglomerat industri, firma teknologi, penyedia perkhidmatan e-dagang, syarikat Fintech, koperasi dan kerajaan negeri.

Maklumbalas Bahagian:

1. Subsektor Perdagangan Runcit dijangka akan mengalami kemerosotan berikutan kerugian yang ditanggung oleh sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
2. Pelaburan Digital dijangka meningkatkan pertumbuhan sektor Perdagangan Borong & Runcit di Malaysia.
3. Peningkatan penglibatan hospital dan klinik swasta sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan Program Imunisasi Industri COVID-19 Perkongsian Awam-Swasta (PIKAS) dijangka turut menyumbang kepada peningkatan hasil industri kesihatan pada suku tahun ketiga 2021.

- | |
|--|
| <p>4. Kadar penghunian yang rendah serta penutupan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.</p> <p>5. Pemberian vaksin kepada pemain industri pelancongan dapat merancakkan kembali aktiviti berkaitan pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.</p> |
|--|

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 30 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Simmtech akan labur AS\$120 juta di Pulau Pinang</p> <p>Syarikat semikonduktor Korea Selatan, Simmtech Co Ltd akan melabur AS\$120 juta (AS\$1 = RM4.23) untuk mendirikan kilang pertamanya di Asia Tenggara (SEA), yang akan berlokasi di Taman Perindustrian Batu Kawan Pulau Pinang.</p> <p>Pengarah Urusan SimmTech Asia Tenggara, Jeffery Chun berkata, keputusan untuk mendirikan kilang pembuatan berskala besar di Pulau Pinang datang secara semula jadi kerana negeri ini mempunyai ekosistem Elektrik dan Elektronik (E&E) yang mantap, kumpulan bakat hebat dan asas pelanggan sedia ada.</p> <p>Kilang papan litar bercetak (PCB) semikonduktor dan substrat pembungkusan di Pulau Pinang akan menjadi kilang pertamanya di rantau Asia Tenggara kerana syarikat itu pada masa ini hanya beroperasi di negara asalnya Korea Selatan, China dan Jepun.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/152748/BISNES/Simmtech-akan-labur-AS\$120-juta-di-Pulau-Pinang

		Meskipun dalam situasi pandemik COVID-19, pembinaan masih dijalankan dan syarikat itu tidak menjangkakan penangguhan.	
2.	Bernama 30 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>AmBank Research maintains forecast growth on external trade for 2021</p> <p>AmBank Research remains optimistic of the nation's exports and imports growth, maintaining its forecast for exports growth at 15 per cent and imports growth at 13 per cent for this year.</p> <p>External trade continues to be upbeat in June, beating market expectation as it recorded a healthy year-on-year (y-o-y) exports growth of 27.2 per cent at RM105.5 billion, while imports grew 32.1 per cent y-o-y to RM83.2 billion.</p> <p>Despite the latest Movement Control Order (MCO) restrictions imposed in June, some intended leeway was given to over 95,000 companies to operate during the time with limited capacity.</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1987496
3.	New Straits Times 2 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Steep fall in Malaysia's manufacturing conditions in July</p> <p>The headline IHS Markit Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PM), a composite single-figure indicator of manufacturing performance, edged up from 39.9 in June to 40.1 in July 2021.</p> <p>Malaysian manufacturers continued to report that operating conditions were severely</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/08/714062/steep-fall-malaysias-manufacturing-conditions-july

	<p>hampered by a renewed rise in COVID-19 infections.</p> <p>The country's manufacturing sector continued to be badly hit by the ongoing pandemic in July, although companies were already planning for better times ahead.</p> <p>Production fell sharply for a second successive month as the recent rise in infections and containment measures associated with the Delta variant both dampened demand and disrupted supply chains.</p> <p>Both domestic demand and export orders fell sharply at the start of the third quarter, while supplier delays continued to develop at one of the fastest rates yet recorded by the survey.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Syarikat semikonduktor Korea Selatan, Simmtech Co Ltd akan melabur AS\$120 juta (AS\$1 = RM4.23) untuk mendirikan kilang pertamanya di Asia Tenggara (SEA), yang akan berlokasi di Taman Perindustrian Batu Kawan Pulau Pinang. Keputusan untuk mendirikan kilang pembuatan berskala besar pertama syarikat di Pulau Pinang datang secara semula jadi kerana negeri ini mempunyai ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) yang mantap, kumpulan bakat yang hebat dan asas pelanggan sedia ada. Meskipun dalam situasi pandemik COVID-19, pembinaan masih dijalankan dan syarikat itu tidak menjangkakan sebarang penangguhan besar.
2. Ambank Research tetap optimis terhadap pertumbuhan eksport dan import negara, sekali gus mengekalkan unjurannya untuk pertumbuhan eksport pada 15 peratus dan pertumbuhan import pada 13 peratus bagi tahun ini. Perdagangan luar terus meningkat pada bulan Jun, mengatasi jangkaan pasaran dengan mencatat pertumbuhan eksport tahun ke tahun yang sihat sebanyak 27.2 peratus pada RM105.5 billion, sementara import meningkat 32.1 peratus tahun ke tahun kepada RM83.2 billion.

3. Pengilang Malaysia terus mencatatkan keadaan operasi yang terjejas teruk akibat peningkatan kes jangkitan COVID-19 bagaimanapun tahap pengeluaran dan pesanan baharu terus menyederhana pada Julai, dengan pengeluaran dikecilkkan secara paling ketara dalam tempoh sejak April 2020. Sektor pembuatan Malaysia terus menerima kesan teruk akibat pandemik yang berterusan pada Julai, walaupun syarikat telah sedia merancang bagi tempoh akan dating yang lebih baik.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport bagi kod HS 8534; *printed circuits* yang terkandung di dalamnya papan litar bercetak bagi Jun 2021 adalah RM253.7 juta dan menyusut sebanyak RM153.8 juta atau 37.7 peratus bulan ke bulan. Eksport kod HS 8534 ke Republik Korea bagi Jun 2021 adalah RM14.9 juta atau 5.9 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport HS 8534.
2. Bagi separuh tahun pertama 2021, ekport malaysia meningkat 30.2 peratus tahun ke tahun kepada RM585.6 bilion daripada RM449.7 bilion. Hal ini didorong oleh peningkatan sektor pembuatan yang menyumbang 87.0 peratus, meningkat RM125.3 bilion atau 32.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Import Malaysia turut meningkat bagi separuh tahun pertama 2021 kepada RM470.5 bilion, meningkat sebanyak RM82.1 bilion atau 21.1 peratus.
3. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama eksport Malaysia dengan nilai eksport bagi Jun 2021 adalah RM91.3 bilion dan mencatatkan perkembangan sebanyak RM12.5 bilion atau 15.8 peratus bulan ke bulan. Barang elektrik dan elektronik (E&E) merupakan penyumbang tertinggi sebanyak 40.7 peratus bagi sektor pembuatan. Eksport barang E&E bagi Jun 2021 adalah RM37.2 bilion dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM5.6 bilion atau 17.7 peratus bulan ke bulan. Diikuti oleh keluaran petroleum (RM9.6 bilion atau 10.5 peratus) dan keluaran getah (RM7.3 bilion atau 8.0 peratus).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	MSN News 30 Julai 2021 <i>(non-essential)</i>	Khabar gembira industri binaan Keputusan kerajaan membenarkan sektor pemajuan perumahan beroperasi di bawah Fasa 1 dan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat	https://www.msn.com/en-my/news/berita/khabar-gembira-industri-binaan/ar-AAMIIH5

		kuasa serta merta jelas memberi khabar gembira buat pemaju serta kontraktor di negara ini.	
2.	New Straits Times 1 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	New KL construction site cluster sees at least 428 positives for COVID-19 KUALA LUMPUR: Up to 428 construction workers were found to have contracted COVID-19 in a new workplace cluster registered by the Health Ministry today.	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/08/713923/new-kl-construction-site-cluster-sees-least-428-positive-COVID-19
3.	The Edge 30 July 2021 <i>(non-essential)</i>	Leon Fuat buys land in Port Klang to expand steel manufacturing business Leon Fuat Bhd is acquiring a leasehold industrial land in Port Klang for RM20.43 million to expand its welded steel pipe manufacturing activities.	https://www.theedgemarkets.com/article/leon-fuat-buys-land-port-klang-expand-steel-manufacturing-business

Penemuan penting & isu:

1. Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM), Datuk Azman Yusoff berkata, pihak PKBM bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri dan sudah tentu kebenaran itu perlu seiring dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat serta keseluruhan tenaga kerja sudah divaksin, baik bagi sektor awam maupun swasta. Sektor pembinaan sememangnya menjadi pemangkin di dalam sektor ekonomi dengan kadar '*multiplayer effect*' yang sangat tinggi. Bagaimanapun, kebenaran beroperasi sektor pemaju perumahan adalah tertakluk kepada pematuhan SOP terkini Sektor Pemajuan Perumahan.
2. *The cluster was identified following a targeted screening on the construction workers in Tapak Bina Jalan Impian Indah, Bukit Jalil. To date, 771 workers were screened and 428 were confirmed positive.*
3. *The 27,108 square metre-land, which is located less than 500 metres from the group's existing welded steel pipe manufacturing plant in Kawasan Perusahaan Bandar Suleiman, is timely to facilitate the future expansion of the group's manufacturing capacity.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik pada 23 Julai memberi kebenaran beroperasi adalah terpakai kepada pemaju perumahan yang masih aktif dan sah Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL). Fasa 1, aktiviti yang dibenarkan beroperasi adalah pejabat pengurusan pemaju perumahan, urusan serahan notis milikan kosong ('vacant possession') dan kunci rumah, kerja-kerja baik pulih kerosakan kritikal dalam tempoh liabiliti kecacatan ('defect liability period') dan kerja-kerja pembinaan untuk Rumah Mesra Rakyat (RMR) bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi kontraktor G1 hingga G4. Fasa 2, aktiviti tambahan yang dibenarkan adalah aktiviti pemasaran dan jualan di pejabat pemaju, ejen jualan, galeri jualan, unit pameran dan unit hartanah sekunder ('subsale'). Nilai kerja pembinaan pada suku pertama 2021 tumbuh -10.5 peratus (ST4 2020: -14.2%) berasas tahun ke tahun, berjumlah RM31.4 bilion (ST4 2020: RM31.7 bilion). Selangor merekodkan nilai kerja pembinaan tertinggi pada suku pertama 2021 iaitu sebanyak RM7.8 bilion atau 24.9 peratus sumbang. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan dan Sarawak masing-masing 20.5 peratus dan 12.1 peratus.
2. Leon Fuat memperoleh tanah industri seluas 27,108 meter persegi di Pelabuhan Klang untuk mengembangkan perniagaan pembuatan paip keluli dan meningkatkan kapasiti pengeluaran kilang syarikat tersebut pada masa hadapan. Nilai jualan pembuatan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka mencatatkan kemerosotan 18.5 peratus pada tahun 2020.

E. Bahagian Perangkaan Imbalan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 30 Julai 2021 (Essential)	<p>Sentimen perniagaan terjejas teruk</p> <p>Tahap keyakinan dalam sektor pembuatan tempatan terjejas teruk pada suku kedua tahun ini, demikian menurut Kaji Selidik Persekitaran Perniagaan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Indeks Persekitaran Perniagaan (BCI) susut 24.3 mata kepada bacaan 87.5 mata pada suku dikaji, berada di bawah nilai ambang sejak suku keempat 2020 ketika sentimen perniagaan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/845158/sentimen-perniagaan-terjejas-teruk

	<p>melonjak daripada pandemik COVID-19. Sentimen perniagaan yang kurang baik sebahagiannya disebabkan oleh lonjakan kes COVID-19 dalam tempoh beberapa bulan terakhir, yang mendorong pelaksanaan semula sekatan pergerakan untuk mengekang kadar jangkitan. Keadaan ini menyebabkan penutupan beberapa aktiviti pembuatan di mana kilang tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh berkenaan lantas menyebabkan prestasi pengeluaran dan penjualan bagi industri pembuatan menurun. Prospek yang perlahan juga dijangka dalam tempoh tiga bulan akan datang kerana Indeks Jangkaan (EI) menurun sebanyak 10.6 mata kepada paras lebih rendah 110.0 mata.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Tahap keyakinan dalam sektor pembuatan tempatan terjejas teruk pada suku kedua tahun ini, di mana Indeks Persekutaran Perniagaan (BCI) menyusut kepada bacaan 87.5 mata, berada di bawah nilai ambang sejak suku keempat 2020 ketika sentimen perniagaan melonjak daripada pandemik COVID-19. Sentimen perniagaan yang kurang baik sebahagiannya disebabkan oleh lonjakan kes COVID-19 dalam tempoh beberapa bulan terakhir, yang mendorong pelaksanaan semula sekatan pergerakan dan menyebabkan penutupan beberapa aktiviti pembuatan sekaligus memberi kesan negatif terhadap prestasi pengeluaran dan penjualan bagi industri pembuatan. Prospek yang perlahan juga dijangka dalam tempoh tiga bulan akan datang kerana Indeks Jangkaan (EI) menurun sebanyak 10.6 mata kepada paras lebih rendah 110.0 mata.

Maklumbalas Bahagian:

1. Tahap keyakinan dalam sektor pembuatan tempatan terjejas teruk pada suku kedua tahun ini, di mana BCI telah merekodkan penyusutan sebanyak 24.3 mata kepada bacaan 87.5 mata. Lonjakan kes COVID-19 telah menyebabkan prestasi pengeluaran dan penjualan bagi industri pembuatan semakin perlahan akibat pelaksanaan semula sekatan pergerakan. Situasi ini dijangka akan memberi impak terhadap penyusunan Akaun Semasa dalam statistik Imbangan Pembayaran secara keseluruhannya. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun Semasa mencatatkan lebih RM12.3 bilion berbanding lebih RM18.6 bilion pada suku sebelumnya.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 1 Ogos 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>TEKUN Nasional lancar skim pembiayaan tanpa caj</p> <p>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya, TEKUN Nasional melancarkan skim pembiayaan tanpa caj yang boleh dimohon bermula 15 Ogos ini. Sebanyak RM100 juta diperuntukkan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi pelaksanaan skim pembiayaan baharu tanpa caj itu. Bagi Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0, had maksimum pembiayaan adalah RM10,000 manakala Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan (CBRM) 2.0 adalah sehingga RM20,000. Sehingga kini, 3,369 orang usahawan informal mendapat pembiayaan dengan nilai RM19.8 juta. Seramai 11,500 orang usahawan mikro dijangka akan mendapat manfaat daripada skim pembiayaan terbabit.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/845793/tekun-nasional-lancar-skim-pembiayaan-tanpa-caj

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya, TEKUN Nasional melancarkan skim pembiayaan tanpa caj yang boleh dimohon bermula 15 Ogos 2021. Sebanyak RM100 juta diperuntukkan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi pelaksanaan skim pembiayaan baharu tanpa caj itu. Di samping itu, had maksimum pembiayaan adalah RM10,000 bagi Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0, manakala untuk Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan (CBRM) 2.0 adalah sebanyak RM20,000. Sehingga kini seramai 3,369 orang usahawan informal telah mendapat pembiayaan tersebut dengan nilai RM19.8 juta. Dijangka seramai 11,500 orang usahawan mikro akan mendapat manfaat daripada skim pembiayaan ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi pelaksanaan Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0 yang merupakan inisiatif di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). SPIN 2.0 dijangka dapat membantu usahawan informal yang terkesan bagi meneruskan dan memulakan semula perniagaan. Secara tidak langsung membantu untuk memastikan kelangsungan perniagaan serta membantu memulihkan ekonomi negara. Berdasarkan Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal 2019, jumlah guna tenaga sektor informal mencatatkan 1.26 juta orang pada tahun 2019, menyumbang 8.3 peratus daripada guna tenaga di Malaysia. Berdasarkan taraf pekerjaan, bekerja sendiri mencatatkan sumbangan terbesar dengan 71.1 peratus.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 30 Julai 2021 (Essential)	Kekurangan cip semikonduktor dijangka berterusan hingga 2022 Kekurangan cip semikonduktor global yang bermula tahun lalu berterusan melanda industri tertentu untuk sepanjang tahun ini.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/736477/kekurangan-cip-semikonduktor-diangka-berterusan-hingga-2022

		Dalam analisis Moody's Analytics bertajuk <i>What to Expect: Semiconductor Chip Shortage</i> , Moody's Analytics menyatakan bekalan kemungkinan terus berkurangan hingga tahun depan.	
2.	The Sun daily 1 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>The chips are down: why there's a semiconductor shortage</p> <p>A shortage of semiconductors has sent shockwaves through the global economy, squeezing supplies of everything from cars to headphones.</p> <p>The dearth of chips has exposed the modern world's reliance on these minuscule components, the basic building blocks of computers which allow electronic devices to process data. Why is the shortage happening, and what can be done about it?</p>	https://www.thesundaily.my/home/the-chips-are-down-why-there-s-a-semiconductor-shortage-LA8147793

Penemuan penting & isu:

1. Moody's Analytics menyatakan pandemik mempercepat pendigitalan di tempat kerja dan di rumah, justeru permintaan untuk semua jenis alat elektronik melonjak. Ia turut menambah, pengkomputeran awan dan permainan meningkat ketara kerana peningkatan aktiviti jarak jauh atau remote dan mereka memerlukan cip generasi baharu. Dasar kerajaan juga memainkan peranan kerana semakin banyak kerajaan melihat pergantungan kepada cip dan teknologi sebagai sesuatu yang penting untuk menjaga keselamatan negara.
2. Bekalan semikonduktor secara global semakin berkurangan kerana pembuatan semikonduktor terjejas akibat krisis COVID-19 yang bermula awal tahun 2020. Kilang kilang pembuatan semikonduktor ditutup buat sementara dan menjaskan rantai bekalan untuk menghasilkan produk automotif dan peralatan gadget seperti telefon pintar dan komputer riba.

Maklumbalas Bahagian:

1. Moody's Analytics menjangkakan kerajaan di Amerika Utara, Eropah dan Asia baru-baru ini sedang meningkatkan pengeluaran cip semikonduktor dan mewujudkan rantaian bekalan tempatan agar berkembang lebih jauh, terutama ketika pandemik ini agar bekalan global dapat beroperasi dengan cekap. Bagi indeks pembuatan di Malaysia, antara produk yang menyumbang kepada peningkatan harga pada bulan Jun 2021 adalah *other semiconductor devices* (5.2%) berbanding 3.6% pada Mei 2021.
2. Pembuatan semikonduktor yang terjejas bekalan kerana gangguan rantaian bekalan daripada krisis COVID-19 akan menjelaskan sektor pembuatan di mana sektor pembuatan juga memberi sumbangan wajaran tertinggi bagi prestasi keseluruhan IHPR.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 30 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pemvaksinan warga asing: Perlu laksana langkah lain lengkapi vaksinasi</p> <p>Pelaksanaan inisiatif vaksinasi COVID-19 tanpa janji temu yang akan bermula pada lusa di Kuala Lumpur dan Selangor khusus untuk golongan yang berdepan halangan dalam menerima suntikan vaksin, dijangka dapat menangani isu pemvaksinan warga asing tanpa dokumen sah dan pelarian di negara ini.</p> <p>Pemvaksinan golongan itu dilihat oleh banyak pihak sebagai antara aspek penting dalam memastikan kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi mengawal penularan COVID-19 yang kini membebankan ekonomi negara dan juga sistem penjagaan kesihatan yang dilaporkan semakin kritikal.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/152730/KHAS/COVID-19/Pemvaksinan-warga-asing-Perlu-laksana-langkah-lain-lengkapi-vaksinasi

2.	Berita Harian 2 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	15,764 kes baharu COVID-19 dilaporkan Angka penularan COVID-19 di negara ini menunjukkan penurunan kepada 15,764 kes hari ini (02 Ogos 2021). Jumlah kumulatif kes COVID-19 negara meningkat kepada 1,146,186 kes selepas pertambahan 15,765 kes baharu itu. Statistik kes kematian pada 01 Ogos 2021, sebanyak 160 kematian dicatatkan dengan 1,059 kes di unit rawatan rapi (ICU) selain 531 kes memerlukan bantuan pernafasan dan 195,273 kes aktif.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/846222/15764-kes-baharu-COVID-19-dilaporkan
----	---	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Pada masa ini, Malaysia antara negara yang mencatatkan kadar pemvaksinan terpantas di dunia - 1.35 dos bagi setiap 100 orang - dan vaksinasi tanpa janji temu diyakini dapat meningkatkan lagi kadar itu bersandarkan kejayaan inisiatif serupa "jab first, register later" atau "suntik dahulu, daftar kemudian" di Kapit, Sarawak. Aktivis dan pemimpin komuniti imigran di negara ini menyifatkan inisiatif tersebut dapat membantu rakyat negara mereka yang memasuki Malaysia secara sah dan mempunyai permit kerja, namun atas sebab-sebab tertentu tidak dapat mendaftar melalui aplikasi MySejahtera, iaitu antara medium yang digunakan kerajaan bagi menyertai PICK, menerima vaksin.
2. Turut menyaksikan negeri yang mencatatkan empat angka ialah Selangor dengan 6,067 kes baharu, Kuala Lumpur (1,536), Johor (1,222), Sabah (1,166) dan Kedah (1,108). Selain itu negeri lain turut mencatatkan pertambahan kes hari ini iaitu Negeri Sembilan sebanyak (862), Perak (748), Pulau Pinang (667), Kelantan (552), Pahang (475), Melaka (463) dan Terengganu (425). Putrajaya melaporkan 46 kes baharu, Perlis (sembilan) dan Labuan (tujuh).

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
 - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan
 - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.
2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 30 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Polis Terengganu santuni 40 keluarga di Pulau Redang</p> <p>Penduduk Kampung Baru Pulau Redang menerima kejutan apabila melihat kehadiran pasukan polis yang turun padang bagi menghulur bantuan sempena Op Bantu.</p> <p>Selain membawa bakul makanan mengandungi barang keperluan harian, pihak polis turut membawa gula-gula dan makanan ringan untuk diberi kepada kanak-kanak.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/736693/polis-terengganu-santuni-40-keluarga-di-pulau-redang-metrotv

2.	Berita Harian 31 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	KPWKM sasar 2,000 pelajar dapat bantuan tablet <p>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyasar 2,000 pelajar menerima bantuan pakej tablet dan data internet bagi memenuhi keperluan pembelajaran dalam talian. Inisiatif sokongan menerusi program MyTablet itu dapat membantu golongan pelajar yang terkesan atau terpaksa berkongsi peranti pintar dengan adik-beradik lain.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/845533/kpwkm-sasar-2000-pelajar-dapat-bantuan-tablet
3.	Berita Harian 31 Julai 2021 <i>(Non-Essential)</i>	3,000 pengusaha Taska digalak mohon bantuan PEMULIH <p>Kira-kira 3,000 pengusaha taman asuhan kanak-kanak (Taska) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) digalak menggunakan tempoh sepanjang Ogos ini untuk memohon bantuan khas menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).</p> <p>Kerajaan memperuntukkan RM13.2 juta yang boleh dimanfaatkan seramai 4,400 pengusaha Taska di seluruh negara. Bantuan itu bagi meringankan beban pengurusan Taska terbabit bagi pematuhan Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) iaitu disinfeksi di luar dan dalam premis, penyediaan peralatan penyukat suhu badan, bahan sanitasi, pelitup muka dan hidung serta kos pengurusan lain.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/845471/3000-pengusaha-taska-digalak-mohon-bantuan-pemulih

4.	Harian Metro 01 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Semua guru dijangka terima vaksin sebelum September</p> <p>Seramai 85,000 guru seluruh negara yang belum mendapat suntikan vaksin COVID-19, dijangka menerima sekurang-kurangnya dos pertama sebelum sesi persekolahan dibuka September ini.</p> <p>Senarai penuh nama-nama guru telah diberikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dalam memastikan semua warga pendidikan divaksinasi sebelum sekolah dibuka.</p> <p>Selain guru, anggota kumpulan pelaksana dan perkhidmatan sokongan termasuk pengendali kantin sekolah, pemandu bas dan van sekolah, serta pengawal keselamatan sekolah juga akan mendapat suntikan vaksin COVID-19 dalam usaha mencapai imuniti kelompok di kawasan sekolah.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/737413/sema... ...guru-dijangka-terima-vaksin-sebelum-september
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Pasukan polis turun padang bagi menghulur bantuan sempena Op Bantu kepada penduduk Kampung Baru Pulau Redang.
2. KPWKM menyasar 2,000 pelajar menerima bantuan pakej tablet dan data internet bagi memenuhi keperluan pembelajaran dalam talian.
3. Kira-kira 3,000 pengusaha Taska yang berdaftar dengan JKM digalak menggunakan tempoh sepanjang Ogos untuk memohon bantuan khas menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

4. Seramai 85,000 guru seluruh negara yang belum mendapat suntikan vaksin COVID-19, dijangka akan menerima sekurang-kurangnya dos pertama sebelum sesi persekolahan dibuka September ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Program Op Bantu dapat meringankan beban rakyat yang terjejas terutamanya golongan B40 semasa pandemik ini. Mengikut MyLocal Stats dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, peratusan isi rumah kumpulan pendapatan B40 di Terengganu adalah 3.7 peratus.
2. Pemberian tablet kepada murid yang terdiri daripada keluarga yang terkesan semasa pandemik ini merupakan usaha kerajaan bagi memastikan golongan tersebut dapat mengikuti pembelajaran dengan lancar, di samping mengelakkan keciciran pembelajaran atau hilang minat terhadap persekolahan. Merujuk MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang.
3. Bantuan yang diumumkan oleh kerajaan melalui Pakej PEMULIH dapat membantu meringankan beban pengusaha taska yang terkesan semasa pandemik ini. Berdasarkan Laporan Statistik Kanak-Kanak 2020, bilangan taska yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 4,933 buah.
4. Para guru haruslah divaksin terlebih dahulu sebelum pembukaan semula sekolah. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 masing-masing adalah seramai 235,987 orang dan 180,572 orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Online 30 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	FAMA ‘cari jalan’ bawa durian Perak ke Selangor Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang mendapatkan pelepasan khas bagi membawa hasil durian dari negeri ini bagi dipasarkan di negeri-negeri lain yang masih berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan seperti di Selangor.	https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/fama-cari-jalan-bawa-durian-perak-ke-selangor/

2.	Harian Metro 30 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Usahawan bantu selesaikan lambakan timun Prihatin dengan nasib pengusaha timun yang mengalami masalah lambakan sayur, seorang usahawan mengambil inisiatif membeli dua tan timun untuk diagihkan kepada masyarakat di sekitar Kota Bharu.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/736572/usahawan-bantu-selesaikan-lambakan-timun
3.	Sinar Harian 31 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	400kg ikan patin licin dalam dua jam Kira-kira 400 kilogram (kg) ikan patin licin dalam tempoh dua jam selepas diagihkan kepada penduduk di Kampung Ulu Cheka dan Perlok di sini pada Sabtu.	https://www.sinarharian.com.my/article/152957/EDISI/Pahang/400kg-ikan-patin-licin-dalam-dua-jam
4.	The Star 31 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Sabah govt should modernise agro-fisheries industry for self-sufficiency, says SUCCC The state government should focus on modernising the fisheries, agriculture and livestock industries in the state to achieve self-sufficiency, says the Sabah United Chinese Chambers of Commerce (SUCCC).	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/07/31/sabah-govt-should-modernise-agro-fisheries-industry-for-self-sufficiency-says-succc
5.	Utusan Malaysia 2 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Kilang proses durian tak beroperasi penuh punca harga jatuh Kilang pemprosesan durian yang tidak dapat beroperasi penuh akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan harga raja buah itu jatuh di pasaran.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/kilang-proses-durian-tak-beroperasi-penuh-punca-harga-jatuh/

Penemuan penting & isu:

1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berdepan kesukaran untuk memasarkan durian secara penuh kerana sebahagian besar lokasi pasaran antaranya seperti di Selangor tidak dibenarkan masuk disebabkan PKP. FAMA mengambil langkah memohon pelepasan khas bagi mengelak berlaku lambakan durian.
2. Seorang pengguna telah membeli dan kemudian mengagihkan kepada penduduk di beberapa kampung kerana ingin membantu nasib pengusaha tani dalam menyelesaikan masalah lambakan sayur serta memberi mereka pendapatan, dalam masa sama memastikan aktiviti kemasyarakatan terus berjalan terutama bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
3. Program sumbangan ikan patin kepada penduduk Jerantut bertujuan membantu pengusaha ikan patin sangkar di kawasan ini yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Program dijalankan secara pandu lalu dengan hanya seorang wakil penduduk mengambil ikan tersebut yang diagihkan secara percuma.
4. State government would improve the economic situation of the state especially when it was facing the prolonged COVID-19 pandemic that has affected all sectors of the economy also can provide employment for the youth.
5. Ketika musim durian, sebahagian buah akan dihantar ke kilang bagi tujuan eksport iaitu buah dikupas atau diproses menjadi pes manakala selebihnya dijual secara segar. Disebabkan kilang tidak dapat beroperasi penuh ketika PKP menyebabkan berlaku lambakan buah durian yang tidak dapat diproses. Malaysia hanya mengeksport sebanyak empat peratus buah durian ke pasaran China iaitu sebanyak 200 tan metrik buah durian yang telah diproses.

Maklumbalas Bahagian:

1. Masalah lambakan hasil pertanian seperti timun dan durian yang tidak dapat dipasarkan berlaku kesan daripada terdapat gangguan rantaian makanan terutamanya untuk membawa keluar produk pertanian kepada pengguna.
2. Pada masa ini Malaysia berada pada Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa di mana perbezaan fasa ini akan menghadkan pergerakan. Perbezaan fasa PPN ini turut memberi kesan kepada penghantaran produk pertanian tersebut disamping permintaan yang kurang dikalangan warga tempatan. Justeru, ini akan memberi kesan kepada harga produk pertanian tersebut. Bagi negeri/daerah pengeluaran, harga produk pertanian akan sama atau jauh lebih murah manakala negeri yang tidak mempunyai bekalan tersebut akan mengalami kenaikan harga.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 2 August 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>HappyFrish akan diperluas ke lebih banyak kawasan di Malaysia</p> <p>Platform pembelian barang runcit dalam talian terkemuka di Asia Tenggara, HappyFresh telah bekerjasama dengan rakan kongsinya untuk melebarkan sayap ke lebih banyak kawasan di Malaysia. Antara kawasan terlibat ialah Putrajaya, Cyberjaya, Rawang, Butterworth, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1988381
2.	The Edge Market 1 August 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Applications for SPIN 2.0, CBRM 2.0 financing schemes to start from Aug 15</p> <p>Microbusinesses affected by the COVID-19 pandemic can start applying for financing under the Informal Financing Scheme (SPIN) 2.0 and Covid Business Recovery Financing Scheme (CBRM) 2.0, from Aug 15.</p> <p>A total of RM100 million was allocated for the implementation of the schemes under the National People's Well-Being and Economic Recovery Package (PEMULIH), which is expected to benefit 11,500 entrepreneurs.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/applications-spin-20-cbrm-20-financing-schemes-start-aug-15

3.	Bernama 31 July 2021 <i>(Non-Essential)</i>	TERAJU memacu pemerkasaan Bumiputera dalam Perkhidmatan P-Hailing Kajian TERAJU menunjukkan sekitar 70,000 penghantar makanan dengan majoriti 40,000 orang (57 peratus) adalah tertumpu di kawasan Lembah Klang. Kajian itu turut mendapati sebanyak 93.8 peratus merupakan golongan Bumiputera dan 80.1 peratus adalah kalangan belia berusia sekitar 18-30 tahun.	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1987963
----	--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Platform pembelian barang runcit dalam talian terkemuka di Asia Tenggara, HappyFresh akan melebarkan sayap ke lebih banyak kawasan di Malaysia. Antara kawasan terlibat ialah Putrajaya, Cyberjaya, Rawang, Butterworth, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.
2. Perniagaan mikro yang terkesan dengan pandemik COVID-19 boleh memohon pembiayaan tanpa caj di bawah Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0 dan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) 2.0 bermula 15 Ogos 2021. Sejumlah RM100 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan skim berkenaan yang dijangka memanfaatkan 11,500 usahawan.
3. TERAJU telah melaksanakan kajian yang menunjukkan sekitar 70,000 penghantar makanan dengan majoriti 40,000 orang (57 peratus) adalah tertumpu di Lembah Klang. Didapati sebanyak 93.8 peratus merupakan golongan Bumiputera dan 80.1 peratus adalah kalangan belia berusia sekitar 18-30 tahun.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu
 - iii) Penganggur: 728.1 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
 - i) Jawatan: 8,437.5 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
 - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)